

Berat untuk menyimpan, risiko miskin di hari tua

BABS (bukan nama sebenar) bekerja sebagai pemandu e-hailing walaupun sudah berusia 60-an. Wanita ini tinggal di rumah sendiri bersama-sama suaminya, sementara anak-anak pula telah dewasa dan tidak lagi tinggal dengan mereka. Buat masa sekarang kesihatannya baik dan dia menjadi pemandu e-hailing bagi mengisi tabung simpanan yang sudah kosong.

Apabila ditanya tentang simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), dia mencebik sebelum menjawab: "Dah lama habis."

Bersikap ceria serta jenis berdikari, namun Babs sedar masanya semakin suntuk dan dia bimbang suatu hari nanti akan tiba masa dia perlu bergantung pada orang lain walaupun hanya untuk perkara mudah. Kerisauan menyelubunginya apabila memikirkan suatu hari nanti dia tidak lagi mampu membeli barang keperluan dasas.

"Perlu mula menyimpan dari sekarang. Pastikan kamu ada duit (untuk kegunaan selepas bersara)," katanya kepada Bernama.

Babs tidak bersendirian berdepan hidup dalam kemiskinan pada hari-hari tua. Kemiskinan semasa tua merupakan ancaman besar, bukan hanya buat rakyat Malaysia yang bersara atau akan bersara, tetapi juga keluarga mereka. Keadaan ini tidak menjanjikan masa depan yang cerah untuk negara ketika populasi warga emas sedang meningkat dan saiz sumber manusia pula menguncup.

Seketika Ogos lalu, Malaysia mempunyai 3.9 juta rakyat berusia 60 tahun dan ke atas, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia. Jumlah ini merangkumi 11.8 peratus daripada populasi. Warga emas berusia 65 tahun ke atas berjumlah 2.6 juta orang atau 7.7 peratus daripada keseluruhan penduduk, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai negara menua. Bank Dunia mengunjurkan negara ini akan berstatus negara menua dengan 14 peratus penduduk berusia 65 tahun ke atas menjelang 2040.

Pada Persidangan Kebangsaan Mengenai Penuaan (NCA) 2024 di Putrajaya baru-baru ini, peserta membincangkan isu dan membentangkan kajian berkaitan penuaan, antaranya sama ada persiapan dari segi kewangan dan sokongan

sosial memadai bagi memenuhi keperluan penduduk berusia lanjut.

Jawapannya tidak.

"Golongan kelas pertengahan akan menjalani hari tua mereka dalam kemiskinan," kata Rashidi Yahya, Pengurus Kendana Malaysia, iaitu sebuah pertubuhan yang mewakili pen-gasuh dan pemberi jagaan, kepada Bernama.

Dengan kata lain, hidup lama tidak bermakna kehidupan lebih baik.

Tidak betul jika penyelesaian isu kemiskinan warga tua ini diserahkan kepada kerajaan semata-mata. Walaupun ada dasar yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu, pakar berkata tanggungjawab itu terpikul di bahu rakyat sendiri untuk melakukan persiapan menghadapi hari tua.

Akan tetapi perkara itu amat sukar dilakukan.

Tinjauan Agenda Strategik Persaraan yang dikeluarkan pada 22 Okt, mendapati responden tidak mengambil serius berhubung tabung persaraan. Kajian yang dijalankan oleh Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan kumpulan pemikir Universiti Putra Malaysia (UPM) MyAgeing itu melibatkan 6,252 bakal pesara dan 1,075 penerima pencen sektor kerajaan.

Ketua projek Dr Rosmah Mohamed, seorang pakar ekonomi di UPM, memberitahu Bernama bahawa satu daripada dapatan yang menarik perhatian beliau ialah sikap terhadap persaraan tidak berubah, iaitu sama seperti hasil kajian tentang persiapan persaraan yang dijalankan sebelum ini. Hanya 19 peratus memberitahu menyimpan secara tetap, 54 peratus lagi menyimpan sekali-sekala, sementara bakinya langsung tidak menyimpan.

"Kajian terakhir dijalankan pada 2017, jadi dalam tempoh tujuh tahun sikap masih sama," katanya, menambah responden menyenaraikan perbelanjaan asas, pembayaran balik hutang serta pendidikan anak-anak sebagai tiga punca utama mereka tidak dapat menyimpan secara kerap.

Ketidiana kesedaran tentang persaraan ini turut dicerminkan dalam kajian lain berhubung sikap pekerja Malaysia, bukan hanya penjawat awam.

Malaysia berasa tidak perlu menyimpan untuk persaraan.

Sikap sebegini membimbangkan pakar kerana ramai yang bagaikan tidak sedar betapa tingginya kos kehidupan sebagai warga tua. Kebanyakan bakal pesara juga mengharapkan anak-anak yang telah dewasa dapat membantu termasuk menjaga mereka semasa hari tua, tanpa memikirkan bahawa anak-anak mereka juga perlu menyimpan untuk

Survei oleh Bank Pembangunan Asia-Universiti Malaya yang diterbitkan pada 2023, menemukan hampir dua pertiga rakyat Malaysia tidak mengutamakan simpanan bagi persaraan, dengan 26 peratus berkata mereka mungkin perlu bekerja sampai mati.

Pencen umumnya untuk penjawat awam, namun bagi mereka yang bekerja di sektor swasta atau pekerja bukan skim pencen, mereka akan melakukan persiapan menghadapi persaraan menerusi KWSP. Institusi ini membayar dividen dijamin sekurang-kurangnya 2.5 peratus setahun bagi setiap simpanan pencarum.

Akan tetapi, penularan pandemik mengakibatkan lebih 90 peratus pencarum KWSP bawah usia 30 tahun tidak mempunyai simpanan mencukupi untuk mencapai sasaran RM240,000 menjelang usia 55 tahun, demikian menurut laporan Institut Penyelidikan Khazanah "Keadaan Isi Rumah 2024: Isi Rumah dan Pandemik 2019-2022".

Kajian itu juga mendapat lebih 52 peratus pencarum KWSP bawah usia 55 tahun mempunyai simpanan tidak sampai RM10,000 dan lebih 25 peratus bawah 55 tahun memiliki simpanan kurang daripada RM1,000.

Meskipun begitu, realitinya pandemik hanya menambah keterukan keadaan sedia ada. Survei oleh Bank Negara Malaysia pada 2017 mendapati hanya 40 peratus rakyat Malaysia bersedia dari segi kewangan bagi menghadapi persaraan, dan lebih daripada 75 peratus mengakui sukar untuk mereka menyimpan RM1,000 sebagai keperluan kecemasan.

Di sebalik jumlah simpanan yang rendah dan risiko pada masa depan, Rosmah berkata kebanyakannya responden dalam kajian KWAP itu tidak gusar. Penemuan tersebut mengulangi hasil survei HSBC yang dijalankan pada 2013 tentang sikap rakyat Malaysia terhadap persaraan.

"(Penjawat awam) tidak begitu bimbang tentang simpanan kerana mereka yakin akan menerima pencen," katanya.

Pencarum KWSP juga mempunyai sikap serupa, demikian menurut kajian yang dijalankan oleh Park and

Estrada pada 2012, yang mendapat ketersediaan mekanisme menyimpan secara paksa dalam skim penjawat awam dan KWSP merupakan satu faktor rakyat

persaraan mereka sendiri.

Rosmah berkata walaupun dari segi budaya rakyat Malaysia diharapkan menjaga ibu bapa mereka, harapan sedemikian bukan sesuatu yang bijak.

"Kita semua cakap 'anak-anak kena bantu,' sebenarnya tidak. Tak boleh ada fikiran macam itu. Buat anggapan anak-anak tak ada, tak boleh tolong, jadi kita kena siapkan sendiri," katanya. – Bernama